

37 premis dikenakan tindakan, libatkan nilai rampasan RM298,077 - KPDNHEP Sabah

12/05/2020 06:51 PM

KOTA KINABALU, 12 Mei -- Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Sabah mengambil tindakan terhadap 37 premis atas pelbagai kesalahan melibatkan rampasan bernilai RM298,077 di sepanjang pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sejak 18 Mac lepas sehingga hari ini.

Pengarah KPDNHEP Sabah Georgie Abas berkata kesalahan yang dilakukan termasuk menjual barangan kawalan melebihi harga yang ditetapkan dan kegagalan peniaga meletakkan tanda harga pada barangan yang dijual.

"Daripada jumlah itu kita telah memberi kompaun kepada tujuh premis dengan jumlah RM7,000," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Beliau berkata pemeriksaan itu membabitkan pelbagai jenis premis perniagaan meliputi kawasan bandar dan luar bandar di seluruh negeri ini.

Georgie berkata pemeriksaan yang dijalankan itu membabitkan 200 pegawai penguat kuasa dan 90 pegawai pemantau harga KPDNHEP seluruh Sabah.

"Ini membabitkan lapan pejabat cawangan terbabit secara khusus bagi melakukan pemeriksaan ke atas lokasi-lokasi tumpuan pengguna berbelanja di sepanjang tempoh PKP berkuat kuasa," katanya.

-- BERNAMA

<https://www.bernama.com/bm/news.php?id=1840860>